

UMP anjur Festival Ramadhan di 2 kampus

Pekan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Festival Ramadhan bagi mengimarahkan bulan puasa di kedua-dua kampusnya iaitu Pekan dan Gambang.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin) UMP diberi tanggungjawab menyelaras program itu bermula 1 Ramadhan lalu.

“Dengan penyertaan pelbagai peringkat warga kerja dan mahasiswa, aktiviti bagi mengisi program Festival Ramadhan ini dapat dilangsungkan dengan jayanya untuk manfaat semua.

“Ini termasuk aktiviti rewang untuk jamuan iftar secara bergotong royong oleh

kakitangan dari pelbagai pusat bertanggungjawab mengikut giliran mulai 1 Ramadhan hingga 26 Ramadhan di UMP Pekan dan Gambang,” katanya.

Katanya, program lain dirancang bagi mengimarahkan bulan mulia itu adalah solat sunat terawih, sahur, iftar dan moreh se-lain program Karyuhan Mesra Rakyat, bubur lambuk,

Anda Tanya Ustaz Jawab, Jejak Asnaf dan singkah sahur.

“Keseluruhan perbelanjaan itu dibayai Tabung Ramadhan UMP berjumlah RM90,000 melalui inisiatif Mygift, sumbangan tunai warga universiti ini serta ta-jan orang perseorangan,”



FAKTA

Perbelanjaan dibayai
Tabung Ramadan
UMP berjumlah
RM90,000

TENGKU Mahkota Pahang (tiga dari kanan) dengan Tunku Azizah (tengah) diiringi Dr Daing (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga UMP Pekan.

katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Berbuka Puasa bersama Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bersama 4,000 warga UMP di kampus utamanya, di sini,

kelmarin.

Turut berangkat, Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Selain berbuka puasa,

Tengku Abdullah yang juga Canselor UMP turut menyampaikan zakat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan bantuan kewangan Lembaga Pemegang Amanah Mygift UMP kepada seramai

40 pelajar UMP.

Selain itu, Tengku Abdul-lah turut menyampaikan bantuan kewangan berkenaan kepada 100 pelajar maa-had tahfiz sekitar Kuantan dan penduduk kampung se-kitar Pekan.